

Soalan 61 berdasarkan gambar di bawah.



- 61 Jururawat lelaki itu berdiri di _____ Encik Zainal sambil memegang tangannya untuk memeriksa kadar denyutan nadi.

A celah C tengah
B antara D samping

- 62 Encik Razif memandu keretanya yang rosak perlahan-lahan ke _____ jalan.

A atas
B bucu
C bahu
D hujung

- 63 Farid dan Haikal berhenti rehat di _____ pokok yang rendah itu sebelum meneruskan pendakian.

A pangkal
B puncak
C tengah
D dalam

- 64 Mohd Zaki dan rakan-rakannya membaca doa di _____ bukit sebelum memulakan pendakian.

A kaki
B atas
C bawah
D puncak

- 65 "Manis _____ rasa buah tembikai ini," kata Hanani setelah merasa sepotong tembikai yang diberikan oleh penjual itu.

A agak
B betul
C paling
D terlalu

- 66 Adnin _____ rajin membantu ibunya menjual nasi lemak pada waktu pagi sebelum pergi ke sekolah.

A sungguh
B sekali
C betul
D nian

- 67 Pemandangan di Kampung Pulong indah _____ terutama pada waktu pagi.

A nian
B agak
C paling
D terlalu

- 68 _____ tingkap itu perlu dicat semula kerana sudah berkarat.

A Lelangit
B Sesiku
C Kekisi
D Gerigi

- 69 Penyamun itu lari _____ ke dalam semak apabila dikejar oleh orang kampung.

A bolak-balik
B ulang-alik
C simpang-siur
D lintang-pukang

- 70 Pesan emak kepada kami, "Buat baik hendaklah _____ dan buat jahat jangan sekali."

A berdikit-dikit
B berpada-pada
C bertingkat-tingkat
D berbanyak-banyak

Soalan 71 berdasarkan gambar di bawah.



- 71 _____ pisang _____ oleh Pak Cik Daud dari kebun menuju ke rumahnya.

A Sebiji ... dibawa
B Sesikat ... dikelek
C Setandan ... dipikul
D Sesisir ... dijunjung

Soalan 72 berdasarkan gambar di bawah.



- 72 Aliya teruja melihat hamster di dalam _____ sangkar kecil yang dipelihara oleh rakannya.

A sebiji
B sebuah
C sepasang
D sekeping